

SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA
4 SEPTEMBER 2026

RHB ISLAMIC SALUR RM1.1 JUTA ZAKAT UNTUK PERKASA USAHAWAN ASNAF DAN KOMUNITI DI PERLIS

Inisiatif keusahawanan dan pembangunan komuniti memberi tumpuan kepada peningkatan pendapatan dan peluang ekonomi bagi golongan asnaf serta masyarakat setempat

Perlis – RHB Islamic Bank Berhad (“RHB Islamic” atau “Bank”) telah menyalurkan zakat korporat berjumlah RM1.1 juta kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (“MAIPs”) bagi Tahun Kewangan Berakhir 2025, sebagai sebahagian daripada kewajipan tahunan Bank dalam menunaikan zakat. Penyerahan zakat yang berlangsung di Masjid Al-Abrar, Kubang Gajah, Arau itu telah diterima oleh DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Raja Muda Perlis merangkap Yang Dipertua MAIPs.

Sebahagian daripada sumbangan tersebut turut dimanfaatkan untuk menyokong pembangunan usahawan asnaf dan komuniti, dengan memberi tumpuan kepada usaha membantu penerima membina sumber pendapatan yang lebih mampan. Ini termasuk peruntukan sebanyak RM30,522.00 bagi melaksanakan empat inisiatif pembangunan usahawan asnaf di bawah Projek Pembangunan Usahawan Asnaf di Kuala Perlis, dengan kerjasama MAIPs dan Akademi Transformasi Asnaf MAIPs (“ATAM”). Empat inisiatif tersebut melibatkan perniagaan kedai gunting rambut komuniti, gerai makanan petang, kek dan pastri, serta makanan ringan, minuman ais kisar dan masakan panas.

Inisiatif ini bertujuan membantu usahawan asnaf mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan melalui penyediaan peralatan perniagaan serta sokongan operasi. Pendekatan ini bukan sahaja memberi sokongan kepada keperluan perniagaan semasa, malah diharap dapat membantu usahawan asnaf membina sumber pendapatan yang lebih mampan, menjadi lebih berdikari dan mengurangkan kebergantungan jangka panjang kepada bantuan zakat.

“Bagi RHB Islamic, zakat bukan sekadar kewajipan, tetapi amanah yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi yang lebih inklusif. Kami mahu zakat yang disalurkan bukan sahaja membantu memenuhi keperluan semasa, tetapi turut membuka ruang kepada golongan asnaf untuk membina

keupayaan, menjana pendapatan dan menjadi lebih berdikari. Melalui kerjasama dengan MAIPs dan ATAM, kami berusaha memastikan manfaat zakat dapat diterjemahkan kepada peluang yang memberi impak lebih mampan kepada penerima dan komuniti,” kata Dato’ Adissadikin Ali, Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad.

Usaha membuka peluang ekonomi turut diperluas menerusi Projek Transformasi Kampung Seberang Ramai, Kuala Perlis, dengan peruntukan sebanyak RM68,450.00. Projek ini bertujuan meningkatkan daya tarikan kampung itu sebagai destinasi pelancongan, sekali gus membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduk setempat. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan termasuk pengecatan rumah dan penaiktarafan papan tanda bagi meningkatkan keterlihatan dan daya tarikan kawasan tersebut. Inisiatif ini melengkapi usaha pembangunan usahawan asnaf dengan pendekatan yang turut memberi tumpuan kepada potensi ekonomi komuniti secara lebih menyeluruh. Di samping itu, RHB Islamic turut menyalurkan bantuan sehingga RM40,000.00 menerusi inisiatif Santuni Asnaf Perlis bagi membantu meringankan beban kewangan individu kurang berkemampuan dan keluarga asnaf.

“Kerjasama strategik bersama RHB Islamic membolehkan manfaat zakat diperluas daripada bantuan secara langsung kepada usaha pembangunan yang dapat meningkatkan taraf sosioekonomi golongan asnaf. Pendekatan yang menggabungkan pembangunan keusahawanan, pembangunan komuniti dan bantuan secara langsung ini memberi peluang kepada penerima untuk bukan sahaja memenuhi keperluan semasa, tetapi turut membina sumber pendapatan dan kehidupan yang lebih berdikari,” kata Encik Mohd Nazim Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs.

Melalui pendekatan ini, RHB Islamic berusaha memanfaatkan kewangan sosial Islam, khususnya zakat, bukan sahaja sebagai bentuk bantuan, tetapi sebagai instrumen untuk memperkasa asnaf, membangunkan keupayaan dan membuka peluang ekonomi yang lebih mampan kepada komuniti.